

TEKS UCAPAN

**YB. DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS PENYAMPAIAN DIVIDEN RISDA NEGERI
PERAK
DAN PENYERAHAN SUMBANGAN SKIM TABUNGAN
TABIKA KEMAS KUALA KANGSAR**

**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM SULTAN AZLAN SHAH
(KUISAS)**

**13 JUN 2016, ISNIN
WAKTU KETIBAAN : 5.30 PETANG**

Salutations

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Kasih Sayang dan Salam Sehati Sejiwa**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran sama-sama kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin serta rahmat-Nya, kita sekali lagi dipertemukan dalam Majlis Penyampaian Dividen RISDA Negeri Perak dan Penyerahan Sumbangan Skim Tabungan Tabika Kemas Kuala Kangsar pada tahun ini yang turut dilangsungkan dalam bulan Ramadan Al-Mubarak yang penuh dengan kemuliaan dan keberkatan ini. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada RISDA dan KEMAS yang telah mengundang saya bagi menyempurnakan majlis yang sungguh bermakna ini.

Dato'- Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

2. Selaras dengan dasar kerajaan memberi penekanan kepada sektor pertanian dan pembangunan masyarakat luar bandar, Kerajaan melihat bahawa masyarakat pekebun kecil perlu dibangunkan secara holistik dari aspek pembangunan tanah dan manusia supaya produktiviti dan pendapatan masyarakat luar Bandar terus meningkat.

3. Baru – baru ini di Pekan, Pahang, YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak telah mengumumkan sejumlah RM 94.5 juta dividen RTBB dan TSK Peringkat Nasional serta turut meluluskan Skim Bantuan Khairat Pekebun Kecil sejumlah RM5.2 juta kepada seramai 368,000 orang pekebun kecil yang telah berdaftar dengan RISDA. Selain itu, Bantuan Khairat Pekebun Kecil turut dilancarkan yang membabitkan peruntukan sebanyak RM 5.2 juta. Pada hari sebelumnya di Kuala Kangsar ini, YAB Perdana Menteri turut mengumumkan bantuan khas RM500 kepada 388,111 pekebun kecil getah seluruh negara melalui Bantuan Khas Kejatuhan Harga Getah. Penerima bantuan terdiri daripada 307,770 pekebun kecil yang memiliki kebun dan 80,341 penoreh yang tiada kebun sendiri. Bantuan khas RM500 itu dibayar secara 'one off' kepada semua penerima yang melibatkan peruntukan

kerajaan sebanyak 194 juta. Buat makluman hadirin, daripada keseluruhan 388,111 penerima itu, seramai 1,479 adalah pekebun kecil dari sekitar kawasan Parlimen Kuala Kangsar yang melibatkan perbelanjaan kerajaan sebanyak RM 739,500.

Dato'- Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

4. Pada tahun ini, sukacita diumumkan pemberian dividen kepada peserta-peserta Rancangan Tanam Baru Berkelompok (RTBB) dan juga peserta-peserta Tanam Semula Komersial (TSK) RISDA Negeri Perak pada tahun ini berjumlah RM 11.8 juta.

5. Saya menaruh sepenuh keyakinan, berdasarkan kepada kejayaan yang lalu, RISDA dan KEMAS telah memainkan peranan secara aktif serta bertanggungjawab dalam membantu meningkatkan taraf hidup rakyat luar bandar. Apa yang perlu dilakukan ialah kita perlu mengubah minda dan sikap untuk lebih berani menceburi bidang baru yang boleh memberi pulangan menguntungkan. Adalah diharapkan dengan usaha-usaha kerajaan ini, masyarakat luar bandar akan bertambah maju dan berdaya saing serta berjaya menghapuskan kemiskinan. Saya akan sentiasa menyambut baik usaha – usaha agensi untuk memartabatkan kesejahteraan masyarakat luar Bandar.

6. Di majlis ini juga, kita berhimpun untuk menyempurnakan Majlis Penyerahan Mock Cek Skim Tabungan Tabika Kemas Parlimen Kuala Kangsar bersama Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dirahmati sekalian,

7. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk membantu dan meningkatkan tahap pendidikan negara diperingkat prasekolah mahupun peringkat sekolah rendah. Dari tahun ke tahun, kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah tidak pernah gagal membantu melaksanakan tanggungjawab sosial kepada semua masyarakat bagi tujuan meningkatkan tahap pendidikan anak-anak dari semasa ke semasa,

ini menunjukkan bahawa kerajaan komited dan sentiasa meletakkan golongan kanak-kanak prasekolah sebagai aset penting negara. Si cilik hari ini merupakan generasi yang akan menentukan hala tuju negara pada masa akan datang.

Sesungguhnya majlis ini amat bermakna kepada jabatan KEMAS kerana telah berjaya menyempurnakan amanah untuk memberikan peluang kepada anak-anak Tabika KEMAS Parlimen Kuala Kangsar mempunyai wang simpanan bagi tujuan pendidikan formal mereka pada masa akan hadapan.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dirahmati sekalian,

INISIATIF KERAJAAN NEGERI

8. Bagi merealisasikan matlamat pendidikan negara, Kerajaan Negeri Perak telah mengambil inisiatif dan langkah bijak dengan mewujudkan Tabung Pendidikan Aman Jaya pada Sidang Dewan Undangan Negeri Perak pada 28/10/2009.

9. Usaha murni ini telah di sambut baik oleh jabatan kemas negeri perak dengan mewujudkan jalinan kerjasama antara Jabatan KEMAS Negeri Perak bersama Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan Yayasan Perak bagi mewujudkan skim tabungan yang memberi manfaat kepada kanak-kanak tabika dan ibu bapa khususnya di kawasan luar bandar.

10. Bermula tahun 2016 semua kanak-kanak yang mendaftar ke kelas tabika KEMAS digalakkan membuka akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) sebagai simpanan jangka panjang untuk kebaikan anak-anak pada masa akan datang yang mana setiap anak-anak tabika yang membuka akaun akan mendapat sumbangan sebanyak RM200.00 dan sumbangan tersebut dimasukkan terus ke Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i).

11. Berdasarkan syarat yang telah ditetapkan oleh Yayasan Perak. Antaranya adalah anak tersebut mestilah dilahirkan di negeri perak, ibubapa mestilah orang PERAK dan mempunyai pendapatan di bawah RM 3,000.00.

12. Tabungan ini merupakan salah satu persiapan kepada ibubapa dan khasnya kepada anak-anak untuk memasuki IPTA/IPTS kelak. Kesukaran dan kepayahan ibu bapa akan dapat dikurangkan seminima mungkin kerana tempoh matang bagi tabungan ini adalah setelah penama yang berdaftar tersebut berumur 18 tahun. Tabungan inilah yang bakal membantu ibu bapa dalam persiapan awal anak-anak untuk melangkah masuk ke universiti kelak.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

13. Kerajaan sentiasa berusaha membantu mempertingkatkan taraf hidup dan taraf pendidikan rakyat malaysia dan membantu meringankan bebanan kos sara hidup yang semakin meningkat akibat kesan daripada ketidaktentuan ekonomi global.

Memetik kata-kata Professor Dr. Sheikh Yussof Alqardawi yang menyatakan 'Apabila kita hendak melihat wajah negara pada masa hadapan lihatlah generasi mudanya pada hari ini'.

14. Ini memang tidak dapat dinafikan, oleh itu, intensif bagi mempertingkatkan tahap pendidikan anak-anak dan golongan masyarakat ini amat penting bagi melahirkan generasi muda berilmu. Aura dan kuasa generasi muda masa kini amat penting dalam mencorakkan masa depan negara.

15. Kesimpulannya, Kerajaan sentiasa prihatin kepada kehendak dan keperluan setiap lapisan masyarakat. Pelbagai inisiatif telah dan akan dilaksanakan demi menjaga kesejahteraan kehidupan kita semua di bumi malaysia yang tercinta ini.

16. InsyaAllah, dengan keberkatan doa kita kepada Allah S.W.T, kita akan sentiasa mendapat petunjuk dariNya dan mendapat keredhaan untuk memperolehi kejayaan. Marilah sama-sama kita doakan kepada Allah s.w.t. supaya mudah-mudahan apa yang kita lakukan ini akan mencapai kejayaan dan mendapat keredhaanNya

Dengan lafaz 'Bismillahirrahmanirrahim' saya menyempurnakan Majlis Penyampaian Dividen Risda Negeri Perak dan Penyerahan Sumbangan Skim Tabungan Tabika Kemas Kuala Kangsar pada hari ini.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah,
wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.